

# WARTA CAHAYA

LAPORAN AKTIVITI & PROGRAM  
BULANAN CAHAYA SOCIETY

## Salam Setiakawan!

Kawan-kawan kami yang gembira!

Apa khabar?

Magsukul kerana selalu mengyokong Cahaya Society. Semoga kita semua dalam keadaan baik-baik dan tak pernah luntur sedikitpun semangat juang dalam diri.

### Isi kandungan:

KENALI KAMI!	2
BIKIN APA?	3
BULAN DEPAN, BIKIN APA?	5
SOKONG KAMI!	6
PENGHARGAAN!	7



# KENALI KAMI!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah. Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



## APA KAMI BUAT?

Di samping itu, Cahaya Learning Centre atau Pusat Pembelajaran Alternatif juga dibangunkan untuk tujuan program pendidikan alternatif.

Program berkaitan seperti Prihatin Cahaya iaitu program kebajikan sosial, program secara berkala seperti Webinar Cahaya yang mendiskusikan topik ragam bersangkut pendidikan, hak asasi manusia dan ketanpanegaraan serta Garaj Cahaya turut digerakkan di bawah Cahaya Society.



# Bikin apa?

J u l a i   2 0 2 2



## 1) Majlis Graduasi Cahaya (MGC2022)

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah. Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

## 2) Belia Festival 2022

Kita mengisi ruang jualan dan pameran sempena Belia Fest di Sejati Walk bermula 1 Julai 2022 hingga 9 Julai 2022. Segala produk Cahaya Cetak dipamerkan dan terima kasih kepada semua yang telah menyokong produk kita.



## 3) Lawatan International Organization of Migration (IOM Malaysia)

Lawatan kerja ini adalah bagi menemubual dan mengambil maklumbalas untuk projek Prihatin Pendidikan iaitu agihan 500 paket bantuan kepada komuniti pekerja migran di Sandakan, Sabah.

# Bikin apa?

J u l a i 2 0 2 2



## 4) Kemasukan Pelajar Baharu (Sesi Jun 2022)

Bagi Program Pendidikan Alternatif iaitu CLC, kita telah menambah 5 orang pelajar baru yang dikenalpasti di lapangan.

## 5) Potluck Qurban Cahaya 2022

Kita meraihkan Hari Raya Korban dengan mengadakan majlis kenduri antara anak-anak cahaya dan guru komuniti. Pengisian tentang Korban dan hikmahnya serta majlis jamuan makan bersama-sama.



## 6) Lawatan International Labour Organization (ILO) & Konsulat Indonesia

Lawatan ini adalah bersifat perkenalan dan persahabatan antara ILO, Konsulat dan kita. Banyak perkongsian yang menginspirasikan dan ruang kerjasama yang telah diteroka. Semoga dipermudah segala perancangan.



## 7) Bina Surau Opak

Kemaskini terbaru, kita telah menghantar bahan-bahan keperluan lain seperti cat, tikar, sejadah, kipas dan bahan-bahan wakaf lain seperti Al Quran, Iqra, Tasbih, Telekung dan lain-lain. Magsukul semua yang berbagi.



# Bikin apa?

J u l a i 2 0 2 2



## 8) Kem Cita Cahaya 2022

Kem ini adalah siri yang ke-2. Kem kali ini juga dikendalikan sepenuhnya oleh Kelab Alumni Cahaya. Pengisian adalah seputar Korban, kesetiakawanan, dan LDK sirah nabi.

## 9) Bengkel Komuniti; Pendidikan Fizikal & Kesihatan Komuniti (PFKK)

Kita masih meneruskan usaha membina modul pendidikan PFKK dan telah memasuki bulan yang kedua. Kali ini, kita membuat bengkel tentang topik kecerdasan dan kecederaan termasuklah sumbangan 100 unit Uncang Pertolongan Cemas kepada para peserta dalam kalangan anak-anak Pusat Alternatif.



## 10) Kerja Lapangan- Pulau Asam Manis

Kita telah membuat kunjungan kepada komuniti nelayan atas air di Pulau Asam Manis untuk berkenalan, bertanya latar sejarah kampung dan demografi komuniti. Serta melihat ruang kerjasama untuk membangun fasiliti di sana.

## 11) Acumen Academy Malaysia Summit

Cahaya Society diwakili oleh Cikgu Wadzkir mengikut program ini di Sentul, Kuala Lumpur selama sehari. Kita komited untuk menasionalkan advokasi yang sedang kita kerjakan.





# BULAN DEPAN, BIKIN APA?

## 1) Bengkel Kepimpinan Alternatif (BEKAL)

Bengkel ini dirancang untuk menyasarkan anak-anak cahaya yang sudah terlibat dalam Kelab Alumni Cahaya dan wakil kepimpinan anak-anak di Pusat Alternatif lain seperti Cita Budi, Teratak Ilmu, Anjung Bakti dan Opak Lestari. Kita cuba mendedahkan mereka tentang tanggungjawab berkomuniti, kepentingan berpasukan dan merancang aktiviti bagi membantu guru komuniti mencapai kualiti dan mutu advokasi yang tinggi.

## 2) Kem Cita Cahaya (Mega)

Kem yang dirancang kali ini adalah perkhemahan besar-besaran melibatkan anak-anak cahaya dan guru komuniti. Bertemakan bulan kemerdekaan, kita akan mendedahkan tentang peri pentingnya ilmu, alam dan berkomuniti.

## Penghargaan

---

*Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.*

*Merdeka!*

## **Media**

---

**Website:** cahayasociety.org  
**Facebook/Instagram/Twitter:** Cahaya Society  
**Emel:** cahayasociety@gmail.com

**Alamat:**

Bandar Ramai-Ramai, Lot 2, Blok D, Tingkat 1, Jalan Leila,  
90000 Sandakan, Sabah

**No. Tel (Pejabat):** 089 666 915

**No. Tel (Admin):** 017 820 6712 (En. Suardy)



# SOKONG KAMI!

---

***Sumbangan untuk tujuan advokasi dan  
pendidikan alternatif ke:***

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

860 368 6012  
(CIMB Bank)

5600 2751 2662  
(Maybank)

---